

## **Impak Globalisasi Terhadap Permintaan Buruh dalam Subsektor Perkhidmatan Terpilih di Malaysia**

*Impact of Globalization on Labor Demand in Selected Services Sector in Malaysia*

Siti Hajar Ton Zainal Abidin ([hajarmaliki@gmail.com](mailto:hajarmaliki@gmail.com))

Rahmah Ismail ([rahis@ukm.my](mailto:rahis@ukm.my))

Noorasiah Sulaiman ([rasiahs@ukm.my](mailto:rasiahs@ukm.my))

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

Universiti Kebangsaan Malaysia

### **ABSTRAK**

Pertumbuhan sektor perkhidmatan didorong oleh kewujudan globalisasi ekonomi yang kini memacu kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat. Perkhidmatan juga dikaitkan dengan fenomena selepas industri iaitu berkait rapat dengan proses transformasi ekonomi. Kesan daripada globalisasi menyebabkan sektor perkhidmatan berkembang pesat dan keperluan tenaga kerja semakin meningkat. Objektif utama kertas ini adalah untuk mengenal pasti impak globalisasi terhadap permintaan buruh sektor perkhidmatan di Malaysia. Data yang digunakan dalam analisis ini adalah data tahunan bagi guna tenaga, hasil, kadar upah setiap subsektor perkhidmatan terpilih dan data globalisasi terdiri daripada FDI, jumlah perjanjian teknologi dan keterbukaan ekonomi dari tahun 1990 sehingga tahun 2007. Data dianalisis dengan menggunakan analisis data panel. Keputusan kajian mendapati keseluruhan pemboleh ubah bebas seperti hasil, FDI, jumlah perjanjian teknologi dan keterbukaan ekonomi berhubungan secara positif dengan permintaan buruh dan kadar upah berhubungan negatif dengan permintaan buruh sektor perkhidmatan. Arus globalisasi akan mendedahkan Malaysia kepada persaingan yang lebih hebat dalam perdagangan dan pelaburan. Justeru itu, dalam sektor perkhidmatan tenaga kerja perlu dilengkapi dengan asas pendidikan dan latihan yang kukuh serta mempunyai kemahiran generik termasuk kebolehan mengakses maklumat dengan kemudahan teknologi yang sering mengalami perubahan. Sebanyak mana globalisasi menjadi satu ancaman besar kepada pasaran tempatan sebanyak itu jugalah globalisasi membuka peluang bagi sektor perkhidmatan berkembang.

Kata kunci: Globalisasi, Permintaan Buruh, Sektor Perkhidmatan

### **ABSTRACT**

*The growth of services sector is influence by the existence of economic globalization that drives the rapid growth of economy. Services also can be related to the phenomenon after industry correlated with the process of economic transformation. The impact of globalization led the services sector fast developing and requirement labour-force are increasing. The main objective of this paper is to identify the impact of globalization on labor demand from services sector in Malaysia. The data are used in analysis are annual data for employment, revenue, wage rate for every selected subsector services and data globalization consist of Foreign Direct Investment (FDI), numbers of technology agreement and openness economy from the year of 1990 to the year of 2007. All the data will analysed by panel data analysis. The result from this research shows that overall independent variable like revenue, FDI, numbers of technology agreement, and openness economy positively and wage rate negatively with the labour demand from services sector. Globalization will expose Malaysia to greater competition in trade and investment. Thus, in the services sector, labour-force should be equipped with education, training and have strong generic skills including the ability to access information technology facilities are often changed. As far as globalization gives big impact on domestic market, it also open the opportunities for services sector to develop.*

*Keywords: Globalization, Labour Demand, Services Sector*

## PENGENALAN

Globalisasi adalah satu sistem dunia baru yang dikatakan akan menggantikan sistem dunia dewasa ini. Melalui globalisasi, dunia dilihat tiada batasan sempadan (*borderless world*), dan ketelusan (*transparent*) yang menjurus kepada persaingan drastik dalam apa jua keadaan. Pengaruh globalisasi terhadap ekonomi Malaysia telah bermula sejak awal 1980an lagi. Sejak Malaysia menganggotai World Trade Organization (WTO) pada tahun 1995, pengaruh globalisasi semakin pesat dan berlaku perubahan penting dalam ekonomi global termasuklah aktiviti pengeluaran, pengaliran modal dan kewangan, pelaburan langsung asing, dan perdagangan antarabangsa. Proses ini telah menjadikan ekonomi Malaysia mengalami satu proses transformasi yang amat besar iaitu daripada ekonomi berasaskan sektor pertanian kepada ekonomi berasaskan intelektual menerusi teknologi maklumat dan telekomunikasi.

Ekonomi global menjalani satu peralihan utama iaitu beralih ke arah pertumbuhan berasaskan pengetahuan. Malaysia sedang bersedia untuk berhadapan dan menyertai ekonomi berasaskan pengetahuan. Kini, dalam era globalisasi dan K-ekonomi, sumber modal bertukar kepada keintelektualan manusia. Ianya menjurus kepada tiga tunjang utama, iaitu pengetahuan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta maklumat. Peralihan ini memberi manfaat kepada pertumbuhan ekonomi melalui penggunaan sumber keintelektualan manusia. Terdapat ekonomi baru dan sektor berteknologi tinggi yang mempamerkan keterbukaan, keamatan daya saing dan pengetahuan. Penggunaan modal manusia intelektual telah memajukan Malaysia kepada satu kepakaran dalam mengeluarkan produk perkhidmatan yang canggih dan dapat meningkatkan eksportnya dalam satu pasaran amat kompetitif. Pasaran modal antarabangsa menyediakan peluang kepada Malaysia untuk meningkatkan tarikan pengumpulan modal pelaburan langsung asing (FDI) dalam sektor perkhidmatan melalui produk-produk perkhidmatan yang berkualiti dan berdaya saing untuk memasuki pasaran antarabangsa. Kesan daripada arus globalisasi ini menyebabkan sektor perkhidmatan kini menjadi tonggak utama kepada pembangunan ekonomi.

Malaysia kini memasuki abad ke-21. Program pembangunan sumber manusia akan terus menjadi matlamat utama dalam memastikan semua rakyat berkongsi kemakmuran negara. Kini struktur pasaran buruh sektor perkhidmatan mengalami perubahan drastik ekoran pertumbuhan ekonomi yang didorong oleh sumbangan terbesar sektor perkhidmatan dalam akaun negara. Pertumbuhan sektor perkhidmatan dalam pembangunan ekonomi negara telah jauh maju ke hadapan dan menjana peningkatan peluang pekerjaan dalam negara. Peningkatan permintaan isi rumah terhadap produk perkhidmatan melonjakkan pertumbuhan hasil sektor perkhidmatan dan melalui kesan rantaian dengan aktiviti ekonomi yang lain membawa kepada eksternaliti dalam pasaran domestik. Lantaran itu, ia telah membuka lebih luas peluang pekerjaan dalam pasaran buruh sektor perkhidmatan.

Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK) dengan sumbangannya meningkat kepada 62.5 peratus pada 2010 berbanding 57.6 peratus pada 2009. Prestasi yang lebih baik ini didorong oleh unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia dan perdagangan dunia yang lebih memberangsangkan pada 2010. Sektor perkhidmatan merupakan 'majikan' terbesar kepada guna tenaga dengan sumbangannya sebanyak 51.0 peratus iaitu 5.6 juta guna tenaga pada tahun 2005. Sektor perkhidmatan telah menyediakan pekerjaan kepada 6.3 juta orang atau 57.3 peratus daripada jumlah keseluruhan 11 juta pekerja di negara ini pada hujung Disember 2009. Sektor perkhidmatan terus menjadi sumbangan terbesar kepada jumlah guna tenaga dengan peningkatan kepada 59.4 peratus pada tahun 2010 daripada jumlah guna tenaga yang diwujudkan. Ekonomi terus mengekalkan tahap guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran 3.5 peratus pada tahun 2010. Dalam era menuju sebuah negara maju dan ekonomi berpendapatan tinggi, kerajaan memberi keutamaan untuk membangunkan sektor perkhidmatan secara holistik dan potensi sepenuhnya (RMK-9).

Akibat kelangsungan globalisasi dalam setiap aktiviti ekonomi di Malaysia, ia menunjukkan keperluan tenaga kerja dan permintaan buruh dalam sektor ekonomi khususnya dalam sektor perkhidmatan memberi impak yang positif. Globalisasi membuka lebih luas pasaran sektor perkhidmatan melalui kesan rantaian dengan aktiviti ekonomi dan keterbukaan ekonomi melalui telekomunikasi dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang menghubungkan perkhidmatan antarabangsa dengan lebih pantas dan efisien. Ini seterusnya membuka peluang lebih besar kepada pasaran industri perkhidmatan untuk berkembang lebih pesat dengan peningkatan permintaan isi rumah terhadap produk perkhidmatan melalui jaringan yang lebih global.

Secara umumnya, kertas ini menganalisis impak globalisasi terhadap permintaan buruh dalam sektor perkhidmatan. Secara khususnya kajian ini mengkaji impak globalisasi terhadap permintaan buruh dalam sektor perkhidmatan secara keseluruhan dan mengikut empat subsektor perkhidmatan

terpilih dan menganalisis impak globalisasi terhadap permintaan buruh mengikut kategori pekerjaan iaitu pengurusan dan profesional serta teknikal dan penyeliaan.

## **KAJIAN LEPAS**

Pasaran buruh merupakan saluran utama bagi globalisasi mempengaruhi negara-negara membangun. Peningkatan import, eksport barangan, persaingan dalam perkhidmatan, FDI dan turun naik kadar tukaran asing oleh pergerakan modal antarabangsa pada prinsipnya memberi kesan langsung kepada guna tenaga dan pendapatan buruh. Globalisasi menggunakan istilah ekonomi seperti aliran perdagangan, FDI dan aliran kewangan yang sering digunakan dalam analisis secara empirik pengaruh globalisasi terhadap pasaran buruh. Kebanyakan kajian berkaitan impak globalisasi terhadap permintaan buruh lebih menfokuskan kepada elemen FDI, teknologi dan keterbukaan ekonomi atau liberalisasi dalam mempengaruhi permintaan buruh.

Impak kemasukan FDI telah mengubah corak pasaran buruh dengan berlakunya peningkatan permintaan buruh. Banyak kajian tentang kesan FDI terhadap permintaan buruh menunjukkan hasil yang signifikan dan positif (Seddom dan Wacziarg 2001, Anicento 2002, Marilyn Carr dan Marta Alter 200), Lall 2002, Hanson 2004, Eddy dan Arbeit 2006, Olayinka 2006, Giovanni et. al. 2006, Feenstra 2007, Gabriel et. al. 2008, Chakraborty dan Nunenkamp 2008, Mitra 2009 dan Ogunrinola et. al. 2010). Oyejide (2007) mendapati pengaruh FDI dan aliran perdagangan lebih besar dan signifikan positif dalam mempengaruhi permintaan guna tenaga di negara OECD. Chakraborty dan Nunenkamp (2008) menggunakan pendekatan kointegrasi dan penyebab akibat Ganger untuk menguji FDI dengan pertumbuhan ekonomi dan guna tenaga di India. Kajian mendapati wujud kointegrasi jangka panjang FDI dengan permintaan guna tenaga, namun sektor ekonomi yang berbeza akan memberi kesan yang berbeza. Giovanni, Rosario dan Anna (2006), mengkaji kesan FDI dan perdagangan barangan akhir terhadap permintaan buruh relatif buruh berkemahiran di Poland, Hungary dan Republik Czech, menunjukkan kesan FDI terhadap permintaan relatif buruh mahir berhubungan berbeza mengikut negara. FDI juga meransang permintaan buruh dan produktiviti keluaran sektor ekonomi, menghasilkan pendapatan tinggi dan mencipta peluang pekerjaan sekaligus dapat meminimumkan kemiskinan penduduk (Krishn, 2005; Sher, 2006; Jeawan dan Jean, 2010).

Beberapa kajian menyokong bahawa teknologi mempunyai pengaruh yang kuat kepada peningkatan permintaan buruh (Feenstra dan Hanson 1996,2001, Slaughter 2001, Anicento 2002, Vanessa 2002, Davidson dan Matusz 2005, Inker Morsche et. al. 2007, dan Benjamin 2007). Rasmawati dan Asmaddy (2008) mendapati kesan perubahan pola perdagangan dan teknologi ke atas perubahan relatif permintaan buruh di Malaysia mengarah kepada peningkatan pekerja berpendidikan tinggi dan pekerja mahir. Perubahan daripada pekerja berkemahiran rendah kepada kemahiran tinggi telah menggalakkan peluang guna tenaga dalam sektor perkhidmatan yang rata-rata pengeluarannya menggunakan teknologi dan kepakaran dalam mengendalikannya (Inker Morsche et.al.,2007). Keperluan tenaga kerja berkemahiran mempunyai korelasi yang positif dengan teknologi yang memerlukan kepakaran dan R&D yang berterusan dalam aktiviti pengeluaran sektor ekonomi (Benjamin,2007; Inker Morsche et. al.,2007; dan Davidson dan Matusz,2005). Feenstra (2007) mendapati inovasi teknologi merupakan idea yang jelas terhadap kesan peralihan pekerja mahir. Walau bagaimanapun, teknologi merupakan faktor penting untuk peningkatan jurang upah di Amerika Syarikat. Perdagangan dan teknologi adalah faktor utama firma bertindak balas ke atas persaingan import dan tindak balas globalisasi kepada pasaran tenaga buruh. Teknologi adalah elemen globalisasi yang membawa kepada peningkatan produktiviti buruh dan keluaran sektor ekonomi, disamping mendorong kepada permintaan buruh yang lebih tinggi (Kazunori dan Kiyohiko,2001; Sher,2006). Namun, terdapat kajian mendapati teknologi memberi impak negatif sekiranya teknologi digunakan secara insentif dalam sektor perkhidmatan, permintaan buruh dalam pasaran mengalami penurunan yang dominan (Gary dan Tony, 1999).

Kajian impak keterbukaan ekonomi terhadap permintaan buruh telah dilakukan oleh pengkaji seperti Anicento (2002), Aigbokhan (2004), Hijzen et. al., (2005), Beatrice (2005),Eddy dan Arbeit (2006), Olayinka (2006), Sher (2006), Ilham dan Mahmoud (2006), Aryeety (2006), Tavera (2007), Hasan et. al. (2007), dan Mitra (2009), kebanyakan kajian mendapati wujud hubungan positif antara keterbukaan ekonomi dan tingkat guna tenaga. Pengantarabangsaan sektor ekonomi adalah teras utama globalisasi ekonomi mempengaruhi permintaan buruh. Aryeety (2006), mendapati keterbukaan ekonomi memberi kesan yang positif terhadap permintaan buruh di Ghana, iaitu dengan peningkatan satu titik peratusan pada darjah keterbukaan ekonomi menghasilkan peningkatan 0.14 peratus dalam guna tenaga di Ghana. Patterson dan Okafor (2006), mendapati keterbukaan ekonomi dalam mempengaruhi permintaan tenaga kerja agregat di Nigeria mempunyai hubungan yang negatif.

Dapatan ini seiring dengan kajian yang pernah dilakukan oleh Slaughter (2001), Akter et. al., (2007), David (2008), Bishwanath (2008), dan Ivan (2009). Pasaran tenaga kerja memainkan peranan penting dalam hubungannya dengan keterbukaan ekonomi.

## METODOLOGI DAN DATA KAJIAN

Permintaan terhadap buruh dalam pasaran buruh adalah sama seperti konsep permintaan barangan (Zulkifly, 1989). Konsep ini menjelaskan perhubungan songsang antara harga buruh, iaitu kadar upah dengan bilangan buruh atau pekerja yang diminta oleh majikan dalam sesuatu aktiviti ekonomi dan sektor (Noor Azaliza, 2003). Globalisasi, peningkatan ekonomi dan modenisasi sektor ekonomi merupakan faktor yang mendorong kepada peningkatan permintaan yang tinggi terhadap tenaga kerja di pelbagai peringkat kemahiran buruh dan sektor ekonomi. Secara umum, permintaan merupakan keinginan untuk memiliki atau menggunakan sesuatu dengan diiringi kuasa beli (Ahm Zehadul, 1999).

Bagi tujuan analisis kajian ini, satu model yang berbentuk regresi diterbitkan sebagai fungsi permintaan buruh. Berikut adalah fungsi penentu permintaan tenaga buruh adalah seperti berikut:

$$TL_{it} = f(O_{it}, TRW_{it}, FDI_t, TEC_t, OPN_t) \quad (1)$$

Dalam kajian ini, fungsi permintaan buruh dibahagikan mengikut kategori pekerjaan iaitu pengurusan dan profesional; dan teknikal dan penyeliaan. Maka, fungsi permintaan buruh pengurusan dan profesional dapat diterangkan dengan persamaan (2) dan fungsi permintaan buruh teknikal dan penyeliaan diterangkan dengan persamaan (3):

$$LP_{it} = f(O_{it}, RWP_{it}, RWT_{it}, FDI_t, TEC_t, OPN_t) \quad (2)$$

$$LT_{it} = f(O_{it}, RWT_{it}, RWP_{it}, FDI_t, TEC_t, OPN_t) \quad (3)$$

Setelah fungsi permintaan buruh diteliti, maka penganggaran model kajian ditentukan untuk menunjukkan hubungan antara globalisasi dan permintaan buruh. Pemboleh ubah hasil, kadar upah, FDI, jumlah perjanjian teknologi, dan darjah keterbukaan ekonomi ditetapkan sebagai pemboleh ubah manipulatif manakala guna tenaga bertindak sebagai pemboleh ubah bersandar. Model persamaan permintaan buruh dalam sektor perkhidmatan bagi model pekali malar ditunjukkan dalam persamaan (4), (5) dan (6).

$$\begin{aligned} \ln TL_{itc} &= \alpha_{0itc} + \beta_1 \ln TO_{itc} + \beta_2 \ln TRW_{itc} + \beta_3 \ln FDI_{tc} + \beta_4 \ln TEC_{tc} + \beta_5 \ln OPN_{tc} + \beta_6 D_1 + \mu_{itc} \quad (4) \\ \ln LP_{itc} &= \alpha_{01itc} + \beta_{11} \ln TO_{itc} + \beta_{21} \ln RWP_{itc} + \beta_{31} \ln RWT_{itc} + \beta_{41} \ln FDI_{tc} + \beta_{51} \ln TEC_{tc} + \\ &\beta_{61} \ln OPN_{tc} + \beta_{71} D_2 + \mu_{itc} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \ln LT_{itc} &= \alpha_{02itc} + \beta_{12} \ln TO_{itc} + \beta_{22} \ln RWT_{itc} + \beta_{32} \ln RWP_{itc} + \beta_{42} \ln FDI_{tc} + \beta_{52} \ln TEC_{tc} + \\ &\beta_{62} \ln OPN_{tc} + \beta_{71} D_3 + \mu_{itc} \end{aligned} \quad (6)$$

Model kesan tetap ditunjukkan dalam persamaan (7), (8) dan (9) adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} \ln TL_{itF} &= \alpha_{0itF} + \beta_1 \ln TO_{itF} + \beta_2 \ln TRW_{itF} + \beta_3 \ln FDI_{tF} + \beta_4 \ln TEC_{tF} + \beta_5 \ln OPN_{tF} + \beta_6 D_1 + \mu_{itF} \quad (7) \\ \ln LP_{itF} &= \alpha_{01itF} + \beta_{11} \ln TO_{itF} + \beta_{21} \ln RWP_{itF} + \beta_{31} \ln RWT_{itF} + \beta_{41} \ln FDI_{tF} + \beta_{51} \ln TEC_{tF} + \\ &\beta_{61} \ln OPN_{tF} + \beta_{71} D_2 + \mu_{itF} \end{aligned} \quad (8)$$

$$\begin{aligned} \ln LT_{itF} &= \alpha_{02itF} + \beta_{12} \ln TO_{itF} + \beta_{22} \ln RWT_{itF} + \beta_{32} \ln RWP_{itF} + \beta_{42} \ln FDI_{tF} + \beta_{52} \ln TEC_{tF} + \\ &\beta_{62} \ln OPN_{tF} + \beta_{72} D_3 + \mu_{itF} \end{aligned} \quad (9)$$

Dengan  $TL_{it}$  adalah jumlah guna tenaga mengikut subsektor  $i$  pada masa  $t$  meliputi orang yang diambil bekerja pada bulan Disember atau pada tempoh pembayaran gaji terakhir bagi tahun rujukan.  $LP_{it}$  adalah guna tenaga pekerjaan pengurusan dan profesional mengikut subsektor  $i$  pada masa  $t$  yang meliputi orang yang diambil bekerja pada bulan Disember atau pada tempoh pembayaran gaji terakhir bagi tahun rujukan.  $LT_{it}$  adalah guna tenaga pekerjaan teknikal dan penyeliaan mengikut subsektor  $i$  pada masa  $t$  yang meliputi orang yang diambil bekerja pada bulan Disember atau pada

tempoh pembayaran gaji terakhir bagi tahun rujukan.  $TO_{it}$  adalah jumlah hasil mengikut subsektor  $i$  pada masa  $t$ . Jumlah hasil kasar tahunan keluaran bagi subsektor perkhidmatan yang dikaji dikira dalam jumlah hasil pada harga benar.  $TRW_{it}$  adalah jumlah kadar upah mengikut subsektor  $i$  pada masa  $t$  bagi pekerja yang dibayar pada akhir bulan Disember. Kadar upah ini merujuk kepada pembayaran tunai kepada pekerja sepanjang tahun rujukan termasuk gaji, upah, bonus, komisen, bayaran lebih masa, bayaran pampasan dan elaun lain sebelum ditolak KWSP. Kadar upah diukur berdasarkan jumlah upah nominal dibahagi dengan 12 bulan darab jumlah guna tenaga, (Jumlah Upah/ 12X jumlah guna tenaga).  $RWP_{it}$  adalah kadar upah pekerjaan pengurusan dan profesional bagi subsektor  $i$  pada masa  $t$  bagi pekerja yang dibayar pada akhir bulan disember yang dibayar setiap tahun.  $RWT_{it}$  adalah kadar upah pekerjaan teknikal dan penyeliaan bagi subsektor  $i$  pada masa  $t$  bagi pekerja yang dibayar pada akhir bulan disember yang dibayar setiap tahun.

$FDI_{it}$  adalah Pelaburan langsung asing dalam sektor perkhidmatan pada masa  $t$  yang dinilai pada FDI benar dalam nilai Ringgit Malaysia.  $TEC_t$  adalah jumlah perjanjian teknologi agregat yang diukur dari segi bilangan yang dibuat antara pelabur asing dengan kerajaan pada masa  $t$ .  $OPN_t$  adalah darjah keterbukaan ekonomi pada masa  $t$ . Darjah keterbukaan ekonomi diperoleh daripada jumlah bersih perdagangan benar dan dibahagikan dengan nilai KDNK benar (seperti: (import + eksport)benar / KDNK benar).  $DummySC$  adalah pemboleh ubah patung bagi kesan perubahan struktur ekonomi akibat globalisasi sejak Malaysia menganggotai WTO pada tahun 1995. Kesan perubahan struktur ekonomi akibat globalisasi lebih besar selepas 1995 berbanding sebelum 1995.  $Dummy_0$  adalah pekali untuk perubahan struktur sebelum 1995 dan  $dummy_1$  adalah pekali untuk perubahan struktur selepas 1995.  $\alpha_{it}$  adalah koefisien intersep.  $\beta_{it}$  adalah koefisien pemboleh ubah manipulatif.  $\mu_{it}$  adalah sebutan ralat dengan  $E(e_{it}) = 0$ ,  $E(e_{it}^2) = \sigma^2$ ,  $E(e_{it}, e_{js}) = 0$  untuk  $i \neq j$  dan/atau  $t \neq s$ .  $i$  adalah subsektor perkhidmatan terpilih dalam kajian ini. Subsektor ini dibahagi kepada empat iaitu perkhidmatan broker, stok, saham dan tukaran asing, perkhidmatan ejen hartanah, perkhidmatan agensi pengiklanan dan perkhidmatan agensi pengembaraan dan pelancongan.  $t$  menunjukkan tempoh masa iaitu bermula tahun 1990 hingga tahun 2007.

Analisis panel data kajian ini akan melihat kepada tiga jenis model panel data iaitu model pekali malar, model kesan tetap dan model kesan malar. Data-data yang digunakan dalam kajian ini melibatkan pengumpulan data secara sekunder pada keseluruhannya. Empat subsektor perkhidmatan terpilih digunakan bagi menjalankan kajian ini. Keempat sub sektor tersebut dipilih berdasarkan sumbangannya kepada peningkatan peluang pekerjaan dalam pasaran buruh dan prestasi peningkatan sub sektor kepada pertumbuhan keluaran sektor perkhidmatan dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia. Subsektor perkhidmatan terpilih yang digunakan dalam kajian ini meliputi perkhidmatan broker stok, saham, komoditi dan tukaran wang asing, perkhidmatan ejen hartanah, perkhidmatan agensi pengembaraan dan operator pelancongan dan perkhidmatan agensi pengiklanan.

Data permintaan buruh yang digunakan untuk tujuan analisis ini ialah data tahunan bagi hasil, guna tenaga, dan kadar upah setiap subsektor perkhidmatan terpilih dari tahun 1990 hingga 2007. Data guna tenaga, dan kadar upah dipecahkan mengikut kategori pekerjaan iaitu pertama, pengurusan dan profesional dan kedua, teknikal dan penyeliaan. Data globalisasi terdiri daripada data keterbukaan ekonomi, perjanjian teknologi dan Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment, FDI*) dari tahun 1990 hingga 2007. Data-data tersebut diperolehi daripada beberapa sumber iaitu Buku Tahunan Perangkaan Malaysia Data Siri Masa 2009, Banci Ekonomi Perkhidmatan Terpilih 2009, Statistik Pemburuhan dan Sumber Manusia pelbagai tahun, Laporan Ekonomi Malaysia pelbagai tahun, dan Laporan Penyiasatan Buruh pelbagai tahun terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia.

## KEPUTUSAN KAJIAN

Setelah menjalani beberapa ujian spesifikasi, model kesan rawak tidak dianalisis dalam kajian ini kerana tidak memenuhi syarat kesan rawak dimana jumlah keratan rentas perlu lebih besar daripada jumlah regresor. Didapati dalam kajian ini, nilai keratan rentas iaitu bilangan sub sektor perkhidmatan sebanyak 4 lebih kecil daripada jumlah regresor iaitu sebanyak 7, maka kajian ini tidak dapat mengambilkira kesan rawak. Sehubungan itu, analisis akan dijalankan ke atas model pekali malar dan model kesan tetap untuk menguji kepadanan pemboleh ubah dalam model.

Oleh kerana kajian ini menggunakan model pekali malar dan model kesan tetap, maka pengujian hipotesis perlu dijalankan bagi mendapat model yang terbaik. Pengujian hipotesis bagi model pekali malar lawan model kesan tetap diuji ujian Chow. Keputusan mendapati ketiga-tiga bentuk model penganggaran permintaan buruh menunjukkan statistik ujian Chow  $\chi^2_{hit} > \chi^2_{table}$  dan nilai-p (0.000) lebih kecil daripada 5 peratus, maka hipotesis nol ditolak. Dengan penggunaan ujian Chow, model kesan tetap adalah model terbaik dalam penelitian kajian ini. Dengan ini, terdapat bukti yang

cukup dan signifikan bahawa wujud kesan tetap keratan rentas (subsektor) dan masa dalam hubungan globalisasi dan permintaan buruh.

Berdasarkan keputusan yang diperolehi, secara keseluruhannya pemboleh ubah bebas yang dianggarkan dalam model permintaan buruh keseluruhan subsektor perkhidmatan adalah signifikan sebagaimana yang ditunjukkan oleh nilai pekali penentuan dan nilai statistik F dalam mempengaruhi permintaan buruh subsektor. Tanda parameter yang teranggar juga adalah selaras dengan teori ekonomi.

Jadual 1 menunjukkan keputusan persamaan (1) bagi penganggaran model bagi permintaan buruh keseluruhan subsektor perkhidmatan. Pekali penentuan ( $R^2$ ) bagi model penganggaran adalah 0.9439, justeru 94.39 peratus variasi dalam permintaan buruh keseluruhan subsektor perkhidmatan dapat dijelaskan oleh model kesan tetap. Faktor yang paling mempengaruhi tingkat pertumbuhan permintaan buruh adalah jumlah output, kadar upah, teknologi dan keterbukaan ekonomi. Peningkatan 1 peratus jumlah output secara purata menyebabkan peningkatan permintaan buruh subsektor perkhidmatan sebanyak 0.33 peratus. Hubungan permintaan buruh dengan kadar upah menunjukkan hubungan negatif. Penganggaran fungsi log linear bagi model permintaan buruh ini memenuhi keperluan ekonomi. Peningkatan 1 peratus jumlah kadar upah akan menurunkan permintaan buruh subsektor perkhidmatan sebanyak 0.12 peratus.

Pemboleh ubah globalisasi iaitu FDI, jumlah perjanjian teknologi dan darjah keterbukaan ekonomi menunjukkan hubungan positif dengan permintaan buruh. Tetapi hanya jumlah perjanjian teknologi dan darjah keterbukaan ekonomi berhubung secara signifikan kepada permintaan buruh keseluruhan subsektor perkhidmatan. Perubahan 1 peratus dalam bilangan perjanjian teknologi akan menyebabkan permintaan buruh meningkat sebanyak 0.28 peratus, manakala perubahan dalam satu titik peratusan keterbukaan ekonomi akan meningkatkan permintaan buruh sebanyak 0.84 peratus. Dapatan ini konsisten dengan dapatan kajian Anicento (2002), hasil analisis penganggaran data panel sub industri pembuatan mendapati kesan globalisasi terhadap permintaan buruh adalah signifikan positif. Faktor penentu permintaan buruh menunjukkan tanda yang diharapkan, iaitu tingkat output sub industri adalah positif, kadar upah menunjukkan tanda yang negatif dan kesemua pemboleh ubah globalisasi iaitu teknologi, FDI dan keterbukaan ekonomi menunjukkan tanda yang positif. Kesemua pemboleh ubah manipulatif yang dimasukkan menunjukkan wujud hubungan sebenar dalam menerangkan hubungan globalisasi dengan permintaan buruh di Filipina. Pemboleh ubah *dummy* perubahan struktur menunjukkan hubungan positif, dimana apabila berlaku perubahan struktur globalisasi menyebabkan permintaan buruh meningkat kepada 0.05 peratus. Ini menunjukkan perubahan struktur ekonomi selepas tahun 1995 adalah positif dengan permintaan buruh berbanding perubahan struktur sebelum 1995.

Pekali penentuan ( $R^2$ ) bagi model penganggaran permintaan buruh pengurusan dan profesional adalah sebanyak 0.9498, justeru 94.98 peratus variasi dalam permintaan buruh pengurusan dan profesional bagi subsektor perkhidmatan terpilih dapat dijelaskan oleh model kesan tetap (Jadual 2). Jumlah hasil subsektor perkhidmatan mempunyai hubungan signifikan positif terhadap permintaan buruh pengurusan dan profesional, dimana peningkatan hasil subsektor perkhidmatan akan meningkatkan permintaan buruh sebanyak 0.34 peratus. Kadar upah pekerja pengurusan dan profesional dan kadar upah teknikal dan penyeliaan menunjukkan hubungan negatif tetapi signifikan pada aras keyakinan 99 peratus dalam mempengaruhi permintaan buruh pengurusan dan profesional. Peningkatan 1 peratus kadar upah pekerja pengurusan dan profesional serta pekerja teknikal dan penyeliaan akan menurunkan permintaan buruh masing-masing sebanyak 0.13 peratus dan 0.03 peratus. Ini menunjukkan pekerja pengurusan dan profesional adalah penganap apabila berlaku peningkatan kadar upah pengurusan dan profesional serta kadar upah teknikal dan penyeliaan.

Pemboleh ubah globalisasi menunjukkan hubungan positif terhadap permintaan buruh pengurusan dan profesional, ini membuktikan globalisasi memberi impak positif ke atas permintaan buruh pengurusan dan profesional. FDI menunjukkan hubungan positif tetapi tidak signifikan, namun perubahan teknologi dan keterbukaan ekonomi adalah signifikan. Peningkatan perjanjian teknologi akan meningkatkan permintaan buruh pengurusan dan profesional sebanyak 0.79 peratus. Manakala kenaikan satu titik peratusan dalam keterbukaan ekonomi akan meningkatkan permintaan buruh sebanyak 2.13 peratus. Sementara pemboleh ubah *dummy* perubahan struktur ekonomi kesan daripada globalisasi menunjukkan hubungan yang positif dengan permintaan buruh pengurusan dan profesional, iaitu *dummy* perubahan struktur akan meningkatkan permintaan buruh sebanyak 0.27 peratus.

Jadual 3 menunjukkan model kesan tetap permintaan buruh teknikal dan penyeliaan. Keputusan mendapati pekali penentuan ( $R^2$ ) bagi model penganggaran adalah sebanyak 0.9680, justeru 96.80 peratus variasi pemboleh ubah dalam permintaan buruh teknikal dan penyeliaan bagi subsektor perkhidmatan terpilih dapat dijelaskan oleh model kesan tetap. Jumlah output subsektor perkhidmatan mempunyai hubungan signifikan positif terhadap permintaan buruh teknikal dan penyeliaan. Kadar

upah pekerja teknikal dan penyeliaan dan kadar upah pekerja pengurusan dan profesional menunjukkan hubungan negatif tetapi signifikan dalam mempengaruhi permintaan buruh teknikal dan penyeliaan. Kesan pengurangan 1 peratus dalam kadar upah teknikal dan penyeliaan lebih besar berbanding kesan pengurangan kadar upah pengurusan dan profesional. 1 peratus pengurangan kadar upah kedua-dua kategori pekerjaan akan meningkatkan permintaan buruh teknikal dan penyeliaan 0.82 peratus dan 0.49 peratus. Ini menunjukkan wujud hubungan negatif seperti mana dalam teori permintaan buruh iaitu semakin tinggi kadar upah semakin berkurangan permintaan buruh. Peningkatan kadar upah teknikal dan penyeliaan akan menyebabkan permintaan buruh bagi profesional dan pengurusan serta teknikal dan penyeliaan berkurangan, maka permintaan buruh bagi kedua-dua kategori adalah penganap satu sama lain.

Pemboleh ubah globalisasi menunjukkan hubungan yang positif terhadap permintaan buruh teknikal dan penyeliaan. Namun, pemboleh ubah FDI adalah tidak signifikan. Peningkatan 1 peratus jumlah perjanjian teknologi dan darjah keterbukaan ekonomi masing-masing meningkatkan permintaan buruh sebanyak 0.55 peratus dan 1.67 peratus. Ini membuktikan globalisasi memberi impak yang positif keatas permintaan buruh teknikal dan penyeliaan secara keseluruhan. Manakala pemboleh ubah *dummy* perubahan struktur kesan daripada globalisasi sebelum dan selepas tahun 1995 menunjukkan hubungan positif dengan permintaan buruh teknikal dan penyeliaan iaitu 0.33 peratus.

Berdasarkan model penganggaran yang dibentuk dalam model permintaan buruh keseluruhan subsektor perkhidmatan terpilih, model permintaan buruh pengurusan dan profesional, dan model permintaan buruh teknikal dan penyeliaan, didapati pekali penentuan ( $R^2$ ) dan nilai statistik F bagi model-model tersebut dapat menerangkan hubungan globalisasi dengan permintaan buruh.

Dapatan kajian ini konsisten dengan kajian yang diperolehi oleh Vanessa (2002) dan Seddom dan Wacziarg (2001) mendapati FDI dan teknologi memberi kesan positif kepada permintaan buruh. Olayinka (2006), Aryeety (2006) dan Hasan et al. (2007) mendapati wujud kesan positif keterbukaan ekonomi terhadap keanjalan permintaan buruh. Dapatan kajian kesan globalisasi terhadap subsektor perkhidmatan yang dikaji di Malaysia relevan dengan hasil penemuan beberapa pengkaji sebelum ini. Ini membuktikan kajian ini dapat membuktikan kesan yang sebenar walaupun pada darjah yang berbeza. Maka kesan kemasukan globalisasi memberi impak yang positif ke atas permintaan buruh dalam subsektor perkhidmatan di Malaysia. Semakin besar darjah kemasukan globalisasi dalam sektor ekonomi, maka permintaan buruh di Malaysia akan meningkat lebih tinggi.

Hubungan pemboleh ubah manipulatif dengan permintaan buruh dapat dijelaskan dengan model kesan tetap bagi permintaan buruh keseluruhan subsektor perkhidmatan, permintaan buruh pengurusan dan profesional dan permintaan buruh teknikal dan penyeliaan. Jumlah output bagi ketiga-tiga model mempunyai hubungan yang positif dengan permintaan buruh. Kadar upah keseluruhan, kadar upah pekerja pengurusan dan profesional dan kadar upah pekerja teknikal dan penyeliaan menunjukkan hubungan yang negatif tetapi signifikan dengan permintaan buruh. Hal ini menepati dengan kriteria ekonomi dimana teori permintaan buruh menjelaskan perhubungan kadar upah dengan jumlah buruh yang diminta oleh majikan dalam sesuatu aktiviti ekonomi. Manakala pemboleh ubah globalisasi iaitu FDI, jumlah perjanjian teknologi dan darjah keterbukaan ekonomi dalam analisis kajian menunjukkan hubungan yang positif dengan permintaan buruh dalam sektor perkhidmatan.

Secara keseluruhannya, model kesan tetap dapat menerangkan secara jelas tentang hubungan globalisasi dengan permintaan buruh. Globalisasi memberi impak yang positif terhadap permintaan buruh subsektor perkhidmatan terpilih seperti perkhidmatan broker stok, komoditi, saham dan tukaran asing, perkhidmatan ejen hartanah, perkhidmatan agensi pengiklanan dan perkhidmatan operator pelancongan dan pengembaraan. Globalisasi memberi impak yang lebih tinggi terhadap permintaan buruh berkemahiran tinggi seperti pengurusan dan profesional berbanding buruh berkemahiran rendah seperti teknikal dan penyeliaan. Kesimpulannya, globalisasi memberi impak yang positif kepada peningkatan permintaan buruh sektor perkhidmatan.

## KESIMPULAN

Analisis dalam kertas ini membuktikan bahawa wujudnya hubungan positif antara globalisasi dengan tingkat permintaan buruh dalam subsektor perkhidmatan terpilih di Malaysia. Permintaan buruh pekerjaan pengurusan dan profesional dan pekerjaan teknikal dan penyeliaan secara positif dipengaruhi oleh globalisasi. Indikator globalisasi melalui jumlah perjanjian teknologi dan keterbukaan ekonomi menunjukkan keputusan positif dan secara signifikan memberi kesan langsung kepada peningkatan permintaan buruh keseluruhan sub sektor perkhidmatan dan permintaan buruh mengikut kategori pekerjaan. Manakala elemen FDI menunjukkan hubungan yang positif tetapi tidak signifikan dalam mempengaruhi tingkat permintaan buruh dalam subsektor perkhidmatan yang dikaji. Penemuan ini

seiring dengan dapatan kajian yang dijalankan di Nigeria oleh Ogunrinolo et al. (2010) yang mendapati kesan persaingan globalisasi terhadap tingkat guna tenaga dalam sektor pembuatan di Nigeria secara keseluruhannya positif.

Kajian ini memberi implikasi yang positif kepada sektor perkhidmatan. Teknologi yang dibawa masuk bersama-sama FDI begitu penting dalam meningkatkan hasil sektor perkhidmatan, maka kemasukan FDI perlu diteruskan walaupun ia tidak memberi sumbangan yang memberangsangkan dalam sektor ini. Kemasukan teknologi perlu diteruskan dan ditingkatkan agar kemampuan penyebaran dan penyerapan ICT serta peningkatan pengetahuan yang lebih mendalam dalam ekonomi akan mewujudkan peluang guna tenaga baru dan peningkatan hasil sektor yang lebih tinggi. Selain itu, usaha untuk menjalinkan kerjasama melalui perkongsian bijak antara Kerajaan dan sektor swasta harus digalakkan malahan dengan galakkan penyertaan sektor swasta secara meluas dapat menyediakan latihan dalam kemahiran baru dan teknologi termaju. Malahan, aktiviti perdagangan antarabangsa perlu lebih dipergiatkan dengan meningkatkan eksport negara. Semakin besar keterbukaan perdagangan semakin besar impak globalisasi terhadap permintaan buruh dalam sektor ekonomi dalam negara.

Sebagai kesimpulannya, globalisasi membawa impak yang positif ke atas permintaan buruh dengan penciptaan peluang pekerjaan yang lebih luas dan dapat meminimumkan kemiskinan penduduk. Pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan yang disertai kemunculan teknologi baru dan globalisasi akan mempengaruhi arah aliran pertumbuhan permintaan terhadap buruh pada masa hadapan serta mewujudkan peluang ekonomi baru yang dapat membawa kepada peningkatan pendapatan semua rakyat. Globalisasi dan kemajuan teknologi yang pesat akan meningkatkan permintaan terhadap tenaga buruh yang berkualiti, iaitu berpengetahuan luas dan mendalam serta mempunyai kemahiran berfikir yang tinggi. Di samping itu, mereka perlu mempunyai kemampuan menggunakan teknologi dan bahan baru secara optimum serta menggabungkan daya cipta dan inovasi secara berkesan. Arus globalisasi akan mendedahkan Malaysia kepada persaingan yang lebih hebat dalam perdagangan dan pelaburan. Justeru itu, dalam sektor perkhidmatan tenaga kerja perlu dilengkapi dengan asas pendidikan dan latihan yang kukuh serta mempunyai kemahiran generik termasuk kebolehan mengakses maklumat dengan kemudahan teknologi yang sering mengalami perubahan.

## RUJUKAN

- Ahm Zehadul, Karim. (1999). *Foreign Workers in Malaysia: Issues and Implications*. Dlm. Noorazaliza Othman (2003). *Pengambilan Buruh Asing dalam Sektor Pembinaan di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda Kejuruteraan Awam.
- Aigbokhan, B.E. (2004). Wage Determination in Nigerian Manufacturing Sector: A Test of Competing Theories". *Nigerian Journal of Economic and Social Studies*, 46(2):105-124.
- Akhter, Naseem dan Ali, A. (2007). Does Trade Liberalization Increase the Labor Demand Elasticities? Evidence from Pakistan . *Pakistan Institute of Development Economics Dissertation*, June 2007.
- Aniceto, C. dan Orbeta, Jr. (2002). *Globalization and Employment: The Impact of Trade on Employment and Structure in the Philippines*. PIDS Discussion Paper Series, NO. 2002-04.
- Aryeetey, E.(2006). "Globalization, Employment and Poverty in Ghana". *Economic Development and Northern Ghana, Bolgatanga and Tamale*, 11-14 September.
- Beatrice, K. M.. (2005). *The Impact of Globalisation on Tanzania's Labour Market: Evidence from the Manufacturing Sector*. A paper prepared for a Policy Dialogue for Accelerating Growth and Poverty Reduction in Tanzania. Conference ESRF, July 28th, 2005.
- Benjamin, D. and Sylvie, M. (2007). *New trends in globalisation and the international division of labour: Consequences for Europe?* Treasury and Economic Policy General Directorate, No. 2007.
- Bishwanath, G. (2008). *Trade Liberalization and Labor Demand Elasticity in Indian Manufacturing*.
- Borjas, G. J. (2003). *The Labor Demand Curve Is Downward Sloping: Reexamining the Impact of Immigration on the Labor Market* . *The Quarterly Journal of Economics*. 118(4):1335-1374.
- Carr, Marilyn and Martha A. Chen. (2001). "Globalization and the Informal Economy: How Global Trade and Investment Impact on the Working Poor". Background paper commissioned by the ILO Task Force on the Informal Economy. Geneva, Switzerland: International Labour Office.
- Chakraborty, C. dan Nunnenkamp, P. (2008). "Economic Reforms, Foreign Direct Investment and its Economic Effects in India". *World Development*, 36(7):1192-1212.
- David, G. B. dan Helen L. (2008). *The Impact of the Recent Expansion of the EU on the UK Labour Market*. IZA DP No. 3695. Institute for the Study of Labor, September 2008.



- Davidson C. dan Matusz. S. J. (2005). Globalization and labour market adjustment : Fast and at What Cost?. *Oxford Riview of Economic Policy*, 16(3).
- Eddy, L. dan Marco V. (2006). *The Social Impact of Globalization in the Developing Countries*, Discussion paper series IZA DP No. 1925.
- Feenstra, R. C. (2007). *Globalization and Its Impact on Labour*. Working Papers No.44. The Vienna Institute for International Economic Studies.
- Feenstra, R.C. dan Hanson, G. H. (1996). American Economic Association Globalization, Outsourcing, and Wage Inequality. *The American Economic Review*, 86(2):240-245.
- Gabriel, F. et al. (2008). *Globalization and Labor Market Outcomes: Wage Bargaining, Search Frictions, and Firm Heterogeneity*. IZA Discussion Papers No. 3363.
- Gary H. dan Tony, W. (1999). *The Globalization of Service: What Has Happened? What Are the Implications?* Peterson Institute for International Economics Working Paper Series No. WP99-12.
- Giovanni, S.F. Bruno, Rosario C. dan Anna M. F. (2006). Foreign Direct Investment, Trade, and Skilled Labour Demand in Eastern Europe.
- Giovanni, S.F. Bruno, Anna, M. F. dan Rodolfo H. (2004). Measuring the Effect of Globalization on Labour Demand Elasticity: An Empirical Application to OECD Countries. IZA Working paper no. 153.
- Hanson, G. (2004). *Globalization, Labor Income, and Poverty in Mexico*. National Bureau of Economic Research.
- Haouas, Ilham dan Mahmoud Yagoubi. (2004). Trade Liberalization and Labor-Demand Elasticities: Empirical Evidence from Tunisia. IZA DP No. 1084, March 2004.
- Hasan, Mitra R. dan Ramaswamy K. V. (2007). Trade Reforms, Labor Regulations, and Labor-Demand Elasticities: Empirical Evidence from India. *Review of Economic and Statistic*, 89(3): 466-481.
- Hijzen A., Gorg H. dan Hine R.C. (2003). "International Outsourcing and the Skill Structure of Labour Demand in the UK". *Economic Journal*, 115: 860-878.
- Inka Morschel, et al. (2007). Standardisation in the Service Sector for Global Markets. *Advances in Services Innovations*, IV: 257-269.
- Ivan, C. (2009). The Great Russian Devaluation and Labor Demand. *Job Market*, Paper 3. November 12.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (Pelbagai Tahun). *Laporan Penyiasatan Buruh*. Kuala Lumpur.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2009). *Banci Ekonomi Perkhidmatan Terpilih 2009*. Kuala Lumpur.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2009). *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia Data Siri Masa 2009*. Kuala Lumpur.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2009). *Statistik Pemburuhan dan Sumber Manusia*. Kuala Lumpur.
- Jaewon, J. dan Jean M. (2010). *Routinization-Biased Technical Change, Globalization and Labor Market Polarization: Does Theory Fit the Facts?*. Working Paper Series Department of Economics University of Verona. WP Number: 13.
- Kazunori, M. dan Kiyohiko, G. N. (2000). *Effects of Information Technology on Labor Demand and Technological Progress in Japanese Manufacturing:1980-1998*. Preliminary Draft, 2001.3.19 [current version 3.25].
- Krishn, A. Goyal. (2005). Impact of Globalization on Developing Countries (With Special Reference To India). *International Research Journal of Finance and Economics*, 5 (27): 67 – 79.
- Malaysia. (2001). *Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005*. Kuala Lumpur. Jabatan Percetakan Negara.
- Malaysia. (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010*. Kuala Lumpur. Jabatan Percetakan Negara.
- Mitra, A. (2009). *Impact of Trade on Service Sector Employment in India*. Working Paper Series No. E/298/2009.
- Noorzaliza Othman. (2003). "Pengambilan Buruh Asing Dalam Sektor Pembinaan di Malaysia". *Universiti Teknologi Malaysia*.
- Ogunrinola, Isaiah, O., Osabuohien, dan Evans S.C. (2010). Globalisation and Employment Generation in Nigeria's Manufacturing Sector (1990-2006). *European Journal of Social Sciences*, 12(4):581.
- Olayinka, K.I. (2006). "Globalization and Employment in Developing Economies: The Nigerian Experience, Employment Generation in Nigeria. Selected Papers for the 2006 Annual Conference, Ibadan: Nigerian Economic Society, 341 -357.

Oyejide, T.A. (2007). "African Trade, Investment and Exchange regimes and Incentives for Exporting. Framework Paper for the AERC Collaborative Research Project on Export Supply Response Capacity Constraints in Africa, Nairobi:AERC .

Paterson, C.E dan Okafor, E.W. (2006). "Globalization and Employment Generation: Evaluating the Impact of Trade on Aggregate Employment in Nigeria's Industrial Sector". Employment Generation in Nigeria-Selected Papers for the 2006 Annual Conference, Ibadan: Nigerian Economic Society, 309-340.

Rama, M. (2003). "Globalization and the Labor Market." The World Bank Research Observer, 18(2):159-186.

Rusmawati, S. dan Asmaddy, H. (2008). Changes in Relative Demand for Labour in Malaysia (1984-1997) Using a Decomposition Approach, International Journal of Economics and Management 2(1): 157 – 178.

Sen K. (2004). "Globalisation and Employment in Kenya and Bangladesh". Discussion Paper 7, School of Development Studies and Overseas Development Group. University of East Anglia, United Kingdom.

Sher Verick. (2006). The Impact of Globalization on the Informal Sector in Africa Economic and Social Policy Division, United Nations Economic Commission for Africa (ECA) And Institute for the Study of Labor, IZA working paper.

Slaughter, M. J. (2001). International Trade and Labor-Demand Elasticities, Journal of International Economics 54 (2001) 27–56.

Tavera, J. A. (2007). "Globalization and Its Effects on Manufacturing Employment: The Case of Peru, 1993-2000. Indecopi Office of Economic Research, Pontificia Universidad Del Peru.

Vanessa, S. K. (2002). The Impact of Globalization, through Vertical Specialization, on the Labor Market: the French Case, International Seminar on International Trade (ISIT): Challenges to Globalization.

Verna Dinah. (2009). Implications of Economic Globalization on Labor Market Policies: Comparative Study of the Philippines and Indonesia, Philippine Political Science Journal, Vol 30, No 53.

Zulkifly Osman. (1989). "Ekonomi Buruh: Teori Permintaan dan Penawaran". Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

JADUAL 1: Model Permintaan Buruh Keseluruhan Subsektor Perkhidmatan

<b>Pemboleh ubah Bersandar: Tlabor</b>	<b>Model (4)</b>	<b>Model (7)</b>
<b>Pemboleh ubah Penerang</b>		
INTERSEP	1.7627 (0.7623)	1.9205 (1.0343)
LNTOUTPUT	0.5526 (18.5959)***	0.3318 (6.2886)***
LNTWAGE	-0.6333 (-8.8917)***	-0.1198 (-1.2165)***
LNFDI	0.0039 (0.0607)	0.0113 (0.2714)
LNTEC	0.3171 (1.0953)**	0.2841 (1.5114)**
OPN	0.8509 (1.4503)**	0.8413 (2.1905)**
DUMMYSC	0.2321 (1.6937)***	0.0467 (0.4837)*
CROSSUB_ID		
SUB_1		0.2072
SUB_2		-0.1763
SUB_3		-0.4534
SUB_4		0.4534
Kaedah	Pool Least Square	Fixed Effect
Bil. Cerapan	72	72
Bil. Subsektor	4	4
Tempoh Masa	1990-2007	1990-2007
R-Squared	0.8546	0.9439

F-Statistik (Nilai-p)	63.6913 (0.0000)	116.0907 (0.0000)
$\chi^2$ Tlabor		68.6597
$\chi^2$ Table ( $\chi^2$ , 6,0.05)		12.592

JADUAL 2: Model Permintaan Buruh Mengikut Kategori Pekerjaan Pengurusan dan Profesional Subsektor Perkhidmatan Terpilih

<b>Pemboleh ubah Bersandar:</b>	<b>Model (5)</b>	<b>Model (8)</b>
<b>LaborPro</b>		
<b>Pemboleh ubah Penerang</b>		
INTERSEP	-9.5528 (-3.0988)***	-3.2802 (-1.1188)*
LNTOUTPUT	0.6256 (16.2587)***	0.0338 (3.73510)***
LNRWAGEPRO	-0.5556 (-11.8391)***	-0.1364 (-1.1187)***
LNRWAGETECH	-0.1244 (-1.4486)***	-0.0354 (-0.3877)***
LNFDI	0.0142 (0.1631)	0.0464 (0.6852)
LNTEC	1.3361 (3.3159)***	0.7882 (2.5028)**
OPN	1.8628 (2.3761)**	2.1295 (3.4852)***
DUMMYSC	0.2331 (1.2956)**	0.2743 (1.9613)*
CROSSUB_ID		
SUB_1		0.1046
SUB_2		-0.6586
SUB_3		-0.3889
SUB_4		0.9437
Kaedah	Pool Least Square	Fixed Effect
Bil. Cerapan	72	72
Bil. Subsektor	4	4
Tempoh masa	1990-2007	1990-2007
R-squared	0.9080	0.9498
F-Statistik (nilai-p)	90.2777 (0.0000)	115.5200 (0.0000)
$\chi^2$ Laborpro		43.6483
$\chi^2$ Table ( $\chi^2$ , 7,0.05)		14.067

JADUAL 3: Model Permintaan Buruh Mengikut Kategori Pekerjaan Teknikal dan Penyeliaan Subsektor Perkhidmatan Terpilih

<b>Pemboleh ubah Bersandar :</b>	<b>Model (6)</b>	<b>Model (9)</b>
<b>LaborTech</b>		
<b>Pemboleh ubah Penerang</b>		
INTERSEP	-7.8079 (-1.5956)	-1.0938 (-0.3443)
LNTOUTPUT	0.6523 (10.6801)***	0.3573 (3.6425)***
LNRWAGETECH	-0.6389 (-4.6854)***	-0.8197 (-8.2862)***
LNRWAGEPRO	-0.5733 (-7.6965)***	-0.4871 (-3.91160)***
LNFDI	0.0779	0.0190

	(0.5626)	(0.2593)
LNTEC	1.6974 (2.6538)**	0.5499 (1.6116)**
OPN	1.7005 (2.3664)***	1.6693 (2.5215)**
DUMMYSC	0.3648 (1.2776)**	0.3283 (2.1666)**
CROSSUB_ID		
SUB_1		-0.1204
SUB_2		-0.6298
SUB_3		-1.2398
SUB_4		1.9900
Kaedah	Pool Least Square	Fixed Effect
Bil. Cerapan	72	72
Bil. Subsektor	4	4
Tempoh Masa	1990-2007	1990-2007
R-Squared	0.8744	0.9681
F-Statistik (Nilai-p)	63.6611 (0.0000)	185.0546 (0.0000)
$\chi^2$ Labortech		98.6397
$\chi^2$ Table ( $\chi^2$ , 7, 0.05)		14.067

Nota : \*\*\* Signifikan pada aras keyakinan 1%  
 \*\* Signifikan pada aras keyakinan 5%  
 \* Signifikan pada aras keyakinan 10%  
 Angka dalam (..) adalah nilai t